

Buletin Fakta

Buletin tahunan terbitan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) yang memaparkan isu-isu berkaitan belia di Malaysia dan berkongsi tentang aktiviti penyelidikan serta program sokongan penyelidikan yang dianjurkan

Menarik Edisi Ini

Pengaruh digital & teknologi dalam pembangunan belia

Modul kemahiran penuhi keperluan industri negara

Relevankah Kawalan Produk Tembakau?

**Institut Penyelidikan
Pembangunan Belia Malaysia
(IYRES)**

Tel: 03-8871 3417

Faks: 03-8871 3342

E-mel: info@iyres.gov.my

Laman sesawang: www.iyres.gov.my



Dunia moden: Impak terhadap pemeriksaan belia

Dunia di hujung jari. Satu ungkapan yang dahulunya kedengaran agak mustahil namun kini semuanya di hujung jari manusia. Istilah ini menggambarkan bahawa apa jua yang ingin diperoleh sama ada barangan keperluan harian, makanan, pakaian, hiburan, maklumat tertentu, tiket penerbangan dan pelbagai jenis informasi boleh diperoleh dalam masa yang singkat hanya melalui telefon bimbit atau komputer riba sahaja.

Menariknya, segala maklumat atau barangan tersebut boleh didapati bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di luar negara! Semuanya adalah disebabkan kemajuan teknologi pada masa kini yang memudahkan segala urusan. Walau bagaimanapun, adakah kemajuan teknologi ini seiring dengan pemeriksaan belia di Malaysia? Adakah ia memberi impak yang positif atau sebaliknya?

Impak kemajuan teknologi dalam memperkasa belia di Malaysia



'Tempias' kemajuan teknologi dunia yang dilihat semakin berkembang bukan sahaja dirasai oleh kelompok dewasa bekerja, malah golongan muda terutama belia dan kanak-kanak turut merasai gelombang kemajuan tersebut. Tidak dapat dinafikan bahawa perkembangan kemajuan teknologi ini juga memberi impak yang besar terhadap pembangunan belia terutamanya ekonomi dan sosial.

Bagi sektor ekonomi, walaupun negara diuji dengan penularan virus Covid-19, ia tidak menghalang anak muda di seluruh dunia untuk menjana pendapatan melalui platform digital. Dapat dilihat bahawa semakin ramai belia berjaya memasarkan produk perniagaan secara atas talian walaupun kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan dan ia bukanlah halangan mereka untuk mencari rezeki.


Dalam kajian Indeks Belia Malaysia 2020 (IBM'20) yang dilaksanakan IYRES juga jelas menunjukkan bahawa terdapat peningkatan bagi Domain Ekonomi dengan mencatatkan pencapaian 61.81 (Sederhana) berbanding tahun 2019 dengan pencapaian 61.71 (Sederhana). Perkembangan kemajuan teknologi dilihat berupaya membantu perkembangan sektor ekonomi negara jika rakyat Malaysia bijak memanfaatkan kelebihanannya.

Teknologi maju, interaksi sosial kurang?

'Benarkah apabila teknologi semakin maju menjadikan interaksi sosial antara masyarakat semakin berkurang? Apakah perkembangan kemajuan teknologi lebih menarik berbanding masyarakat di sekeliling? Jika sebelum ini kita memerlukan bantuan manusia secara bersemuka untuk mendapatkan sebarang maklumat, namun kini semuanya di hujung jari.

Dapatan IBM'20 turut mendedahkan bahawa skor bagi Domain Hubungan Sosial mencatatkan 74.27 (Sederhana) berbanding tahun 2019 iaitu 74.45 (Sederhana). Skor ini merupakan peringatan kepada kita bahawa perkembangan teknologi amat mempengaruhi kehidupan seharian. Walaupun kemajuan teknologi memberi impak yang positif terhadap perkembangan negara namun interaksi sosial antara masyarakat perlu dititik beratkan seiring dengan kemajuan negara.





Modul Kemahiran: Asas Utama Keperluan Pembangunan Industri Negara

Di Malaysia, modul kemahiran tidaklah berkembang pesat sebagaimana di luar negara. Apabila disebut mengenai kemahiran, masyarakat masih menganggap bidang ini adalah untuk pelajar yang 'tercicir' dalam pelajaran.

Tetapi, tahukah anda bahawa modul kemahiran ini amat penting dalam menyokong dan menjayakan agenda pembangunan negara di samping menjamin kerjaya masa depan? Bukan itu sahaja, bidang kemahiran juga berjaya mencungkil potensi anak muda dan berjaya melahirkan ribuan belia berkemahiran tinggi yang dapat memenuhi keperluan industri negara.

Kerajaan Malaysia terus komited dalam memperkasa pembangunan negara ke arah negara maju melalui bidang TVET dan selaras dengan itu, kerajaan telah mengisytiharkan 2 Jun sebagai sambutan Hari Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Negara yang disambut setiap tahun bagi meneruskan usaha pemerkasaan TVET di Malaysia.

Bidang kemahiran merupakan salah satu daripada 14 pemacu perubahan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang mana pelbagai strategi digariskan termasuk menangani isu pertindihan dan merombak tadbir urus TVET serta mempromosikan jenama selain meningkatkan kualiti program dan mewujudkan data raya.

Komitmen ini dapat dilihat melalui penubuhan beberapa institusi kemahiran termasuk Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) di seluruh Malaysia yang mana institut ini menyediakan latihan kemahiran yang intensif bagi menyediakan tenaga kerja berkemahiran tinggi setaraf dengan keperluan industri antarabangsa.



Justeru itu, Insitut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah dilantik oleh Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia KBS untuk melaksanakan *polling* khas bagi mengkaji sejauh mana keberkesanan Program dan Modul Bina Insan di bawah Cawangan Pengurusan Hal Ehwal Pelajar. Kajian ini adalah penting dalam menyediakan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi terutamanya di negara yang membangun bagi menyokong agenda pembangunan TVET negara.

Alumni ILKBS merupakan aset penting dalam menyumbang bakti kepada pembangunan generasi muda, sebagai contohnya memberi khidmat *mentoring* tentang kerjaya, peluang pekerjaan dan membuka laluan kepada pelajar untuk menjalani latihan praktikal atau menimba pengalaman.

Sumbangan kepakaran dan penglibatan mereka dilihat sekali gus berupaya meningkatkan reputasi institusi kemahiran negara seiring dengan institusi pendidikan kemahiran di peringkat antarabangsa.

Antara objektif utama *polling* ini adalah untuk mengenal pasti sejauh mana kadar pengekalan kerja alumni ILKBS, tahap sumbangan alumni ILKBS dan tahap kepuasan alumni terhadap kerja/ jawatan mereka.

Secara umumnya, dapatan polling ini menunjukkan bahawa 86% responden tergolong dalam dua kategori iaitu tidak pernah menukar pekerjaan dan hanya menukar pekerjaan sebanyak 1 hingga 2 kali sahaja. Tahap kepuasan mereka terhadap pekerjaan/ jawatan yang disandang juga adalah tinggi.

Selain itu, majoriti alumni yang menyertai *polling* ini sanggup untuk menyumbang dari segi perkongsian ilmu dan kemahiran, tenaga dan aspek kewangan dalam usaha bersama kerajaan memperkasa sektor kemahiran dalam negara.

Ini jelas terbukti apabila 94.6% alumni bersedia memberi sumbangan secara perkongsian ilmu/ kemahiran/ pengetahuan manakala 93.6% sedia memberi sumbangan tenaga dan 20.8% sumbangan kewangan.



Sumbangan alumni sangat penting bagi membolehkan ILKBS menjalankan fungsi dan peranannya dengan lebih efektif agar menjadi hab latihan kemahiran belia yang terbaik di Malaysia-KBS



Apa Kata Belia Tentang Rang Undang-Undang Kawalan Produk Tembakau Dan Merokok 2022

Menyedari kesan buruk tembakau terhadap golongan muda dalam jangka masa yang panjang menjadi titik tolak kerajaan komited dalam mengawal produk tembakau dengan mewujudkan Rang Undang-Undang Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022. Usaha yang dilaksanakan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ini bertujuan untuk melindungi generasi muda daripada terjebak dengan tabiat merokok, selain mengurangkan kematian akibat penyakit berkaitan rokok.

Namun, adakah usaha ini mendapat sokongan generasi muda atau sebaliknya? Bagi mendapatkan pandangan belia berkenaan Rang Undang-Undang (RUU) tersebut, Insitut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah melaksanakan kajian secara dalam talian. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa 95.4% belia menyokong pelaksanaan RUU tersebut yang dilihat mampu mengurangkan jumlah perokok dalam kalangan belia.

Hanya segelintir responden kajian merasakan pelaksanaan RUU ini bagi ‘merampas’ hak kebebasan mereka untuk merokok. Walau bagaimanapun, pelaksanaan RUU ini seharusnya dilihat pada sudut pandangan yang positif memandangkan produk tembakau hanya memberi kesan yang negatif terhadap pembangunan belia berbanding kesan yang positif.



“Kita yakin dua juta nyawa mampu diselamatkan daripada kematian disebabkan penyakit berkaitan aktiviti merokok, dalam tempoh sehingga 2040 sekiranya RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 diluluskan”

YB Khairy Jamaluddin, Menteri Kesihatan



Profil IYRES

“

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) merupakan agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan merupakan pusat penyelidikan nasional yang mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda dan kaitannya dengan perubahan yang berlaku di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa (Akta Pertubuhan dan Pembangunan Belia 2001 (Akta 668))

”

Sidang Redaksi

Ketua Pengarang

Dr. Vellapandian Ponnusamy

Penolong Ketua Pengarang

Puan Shahhanim Yahya

Editor/ Pereka Grafik

Cik Siti Shazwani Md Yusooif

Penulis

Cik Siti Shazwani Md Yusooif

Puan Rozahidah Roslee

Dr. Ahmad Taufik Nursal

